

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIB/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 18 DISEMBER 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 31

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1533-L12558
Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan trend migrasi penduduk dari desa ke bandar dan sebaliknya sejak tahun 2020 hingga 2024 serta bagaimanakah Kementerian menilai ketercukupan infrastruktur asas dan kemudahan sosial di luar bandar agar setanding dengan kawasan bandar.
2. PN-1533-L12952
Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan setakat manakah kejayaan Kementerian dalam mengawal kenaikan harga barang dan kegiatan manipulasi pasaran.
3. PN-1533-L13107
Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bagaimana Malaysia merancang untuk memastikan kedaulatan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) negara terpelihara, terutamanya dalam menghadapi peningkatan aktiviti ketenteraan dan pembangunan infrastruktur oleh China di kawasan yang turut dituntut oleh negara-negara jiran, berikutan ketegangan di Laut China Selatan.
4. PN-1533-L12826
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah faktor utama sebilangan cerun di sepanjang jalan seluruh negara dikategorikan sebagai sangat berisiko tinggi serta penyelesaian jangka panjang pengukuhan cerun bagi menjamin keselamatan pengguna jalan raya.

5. PN-1533-L13007

Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan berapakah bilangan kabel internet dasar laut yang menghubungkan Sarawak terus kepada negara-negara lain, dan apakah pelan tindakan Kerajaan untuk menambahkan bilangan kabel internet dasar laut dari Sarawak ke negara-negara lain, memandangkan ini merupakan kunci kepada penubuhan pusat data dan industri berkaitan kecerdasan buatan (AI) di Sarawak.

6. PN-1533-L12480

Senator Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan status program *Government Technology* (GovTech) Malaysia yang diumumkan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) pada September 2023. Memandangkan sudah wujudnya Kementerian Digital, agensi dan Kementerian manakah yang akan menerajui program ini dan bagaimanakah Jabatan Digital Negara terlibat (jika ada).

7. PN-1533-L12629

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) statistik bilangan penumpang tren ETS pada tahun ini khususnya bagi destinasi ke Negeri Perlis; dan
- (b) apakah usaha untuk menambah baik perkhidmatan tren ini yang senantiasa menjadi pilihan utama bagi orang ramai khususnya ketika musim cuti sekolah dan perayaan.

8. PN-1533-L12601

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk menetapkan garis panduan yang ketat terhadap pengusaha-pengusaha hotel mengenai polisi daftar masuk dan daftar keluar yang dilihat memberi masalah kepada pengguna.

9. PN-1533-L12545

Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah segera yang diambil oleh Kerajaan dalam menangani krisis kekurangan tenaga kerja di sektor kesihatan, khususnya doktor, jururawat dan kakitangan sokongan.

10. PN-1533-L12746
Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah tindakan yang dilakukan oleh Kementerian dalam menangani isu penipuan logo halal dan persijilan halal terutama dalam kalangan pengusaha makanan dan minuman bukan Islam (*non-muslim*).
11. PN-1533-L12440
Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam menangani isu keselamatan penunggang motosikal yang menggunakan laluan antara lorong (*lane splitting*) di jalan raya, serta adakah terdapat cadangan untuk penguatkuasaan bagi mematuhi peraturan jalan raya seperti di negara lain .
12. PN-1533-L12676
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tindakan pihak Kementerian dalam memastikan kebajikan petugas kesihatan terjaga daripada sebarang salah laku atau penyalahgunaan kuasa terhadap mereka, sebagai contoh kes-kes buli antara petugas kesihatan awam.
13. PN-1533-L12460
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan inisiatif agar penduduk di rumah panjang yang hidup berkelompok kecil tetapi bertaburan jauh antara satu sama lain di Belaga, Sarawak dapat menikmati liputan internet 4G di tempat mereka supaya mereka tidak tercicir untuk menikmati kemudahan internet.
14. PN-1533-L12513
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status pengaktifan semula Program Pembangunan Bakat yang melibatkan kanak-kanak di institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat dan sejauh manakah program ini disalinghubungkan menerusi peluncuran Dasar Sosial Negara (DSN) 2030 dalam pembinaan modal insan kanak-kanak tersebut.

15. PN-1533-L12533

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan masalah kekurangan beras dapat diatasi, terutamanya tindakan jangka panjang. Ini berikutan banjir besar yang melanda Kedah dan Perlis pada bulan September yang lalu di mana data yang diperoleh daripada Laporan Pemantauan Padi Tenggelam yang dikeluarkan oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) meliputi kawasan sawah seluas 5,388.63 hektar dan kawasan sawah yang terkesan adalah di Kawasan Muda iaitu di Wilayah I Perlis seluas 20 hektar, Wilayah II Jitra (1,525.6 hektar), Wilayah III Pendang (2206.7 hektar) dan Wilayah IV Kota Sarang Semut (1,636.33 hektar) dengan anggaran kerugian mencecah RM 40 juta kepada pesawah.

16. PN-1533-L13061

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah strategik Kerajaan dalam menangani masalah kekurangan tenaga kerja dalam sektor getah.

17. PN-1533-L12419

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berdasarkan lima strategi untuk meningkatkan sistem pertahanan negara, apakah kemajuan Kerajaan dalam mengintegrasikan kecerdasan buatan (AI) dalam strategi-strategi tersebut, termasuk proses merekrut anggota berkebolehan serta pembangunan dan perkembangan industri pertahanan..

18. PN-1533-L12651

Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik dan sambutan majikan yang menerima pakai skim Daya Kerja 2.0 yang disediakan untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU), bekas banduan, pesara dan warga emas untuk mendapatkan pekerjaan khususnya bagi membantu dan menggaji bekas banduan agar memberi peluang kedua kepada golongan itu kembali ke dalam kelompok masyarakat selepas tamat menjalani hukuman.

19. PN-1533-L12768

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan langkah Kementerian dalam mempercepat projek tebatan banjir di negeri Kedah bagi memastikan proses mitigasi bencana dapat berjalan dengan efektif.

20. PN-1533-L12835

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan jumlah kebergantungan dan nilai import getah asli terkini negara serta langkah penyelesaian segera dan jangka panjang bagi mengekalkan status negara sebagai pengeluar utama getah asli dunia.

21. PN-1533-L12861

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pengambilan kakitangan awam yang terdiri daripada golongan Orang Asli pada tahun 2021, 2022 dan 2023.

22. PN-1533-L12777

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perincian dan penjelasan bagi 81% Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang diunjurkan dalam Pelan Strategik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) 2024-2030 dan sejauh mana fokus yang diberikan oleh Kerajaan untuk bergandingan bersama ibu bapa serta pelajar bagi menjayakan KPI ini.

23. PN-1533-L12800

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kementerian untuk menangani isu kesihatan mental di tempat kerja dan apakah statistik masalah kesihatan mental di tempat kerja, impak dari segi kehilangan produktiviti dalam wang ringgit serta Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang disasarkan untuk menangani isu ini.

24. PN-1533-L12427

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan :-

- (a) apakah jangkaan impak bagi Pelan Perancangan Strategik Kementerian kepada usahawan terutamanya usahawan Perusahaan Mikro, Kecil Dan Sederhana (PMKS) dan usahawan wanita; dan
- (b) berapakah statistik unjuran bantuan kepada usahawan bagi suku pertama tahun 2024.

25. PN-1533-L12732

Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sejauh mana penggunaan kecerdasan buatan dan teknologi dron telah diguna pakai bagi pelaksanaan projek penurapan jalan tempatan dan apakah perancangan Kementerian bagi memperluas teknologi tersebut dalam projek-projek di bawah Kementerian yang dapat mengurangkan penggunaan tenaga kerja, meningkatkan kecekapan dan keselamatan seperti yang telah diamalkan di China.

26. PN-1533-L12790

Senator Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

- (a) sejauh manakah inisiatif pemberian tuala wanita bagi golongan pelajar kurang berkemampuan di sekolah-sekolah diteruskan; dan
- (b) garis panduan pemilihan sekolah serta jumlah sekolah terlibat.

27. PN-1533-L12941

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan Kerajaan untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan yang kini berdepan dengan kekurangan tenaga doktor pakar dan adakah Kementerian bercadang untuk melihat kepada pengintegrasian antara hospital swasta dan hospital Kerajaan pada masa hadapan.

28. PN-1533-L13086

Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah rancangan jangka masa pendek dan panjang untuk mengurangkan kesesakan di terminal feri Labuan dan berapakah peruntukan yang akan diberikan Kerajaan bagi mengatasi masalah tersebut.

29. PN-1533-L12950

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah komitmen Malaysia dalam penyertaan BRICS dan adakah penyertaan Malaysia di dalam BRICS diperlihat sebagai ancaman diplomatik kepada negara-negara seperti United Kingdom dan Amerika Syarikat.

30. PN-1533-L12976

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi memastikan peminjam PTPTN yang telah bekerja mula membayar hutang mereka. Apakah pendekatan yang dipertimbangkan oleh Kerajaan bagi memperkenalkan mekanisme bayaran balik yang lebih fleksibel dan berapakah jumlah peminjam yang telah bekerja tetapi masih belum membuat pembayaran.

31. PN-1533-L12621

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) statistik bilangan rakyat Malaysia yang telah mengisi PADU mengikut negeri; dan
- (b) apakah mekanisme yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan rakyat yang layak tidak tercicir daripada menerima subsidi RON95 apabila penyasaran subsidi dilaksanakan kelak.

32. PN-1533-L13078

Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapakah Permata Kurnia dipilih untuk diperluaskan lagi pembinaan cawangannya di 11 negeri sebagai pusat autisme.

33. PN-1533-L12759

Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang dapat diambil untuk memperketatkan sempadan negara yang didakwa mudah dibolosi oleh pihak pendatang asing tanpa izin.

34. PN-1533-L12911

Senator Dato' Abdul Halim bin Suleiman minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah kesan kepada BRICS dan ASEAN setelah kemenangan Trump sebagai Presiden Amerika yang baharu kerana sebelum ini mempunyai dasar luar yang berbeza dengan Russia dan China.

35. PN-1533-L12881

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada sebarang penglibatan industri telah dijalankan sebelum membuat keputusan mengenai kewajipan sumbangan KWSP untuk pekerja warga asing.

36. PN-1533-L13070

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah bilangan peserta Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) yang telah diberikan status penduduk tetap (PR) atau kewarganegaraan bagi tempoh bermula tahun 2018 sehingga 2024.

37. PN-1533-L12792

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan supaya memperincikan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar, terutamanya di Melaka, serta menyatakan sasaran dan peruntukan yang disediakan bagi tujuan tersebut.

38. PN-1533-L13021

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada pihak Kerajaan berhasrat untuk mengurangkan kadar cukai yang dikenakan ke atas Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) atau Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) bagi meringankan tanggungan kos pengurusan yang terlalu tinggi.

39. PN-1533-L12964

Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha-usaha terkini yang diambil oleh Kementerian untuk menangani kenaikan harga tiket penerbangan yang tinggi khususnya bagi penerbangan ke Sabah dan Sarawak.

40. PN-1533-L12378

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memperbaharui kurikulum pendidikan bagi memastikan ia relevan dengan keperluan abad ke-21. Bagaimanakah Kementerian merancang untuk mengintegrasikan kemahiran digital dan pemikiran kritis dalam pengajaran dan pembelajaran.

41. PN-1533-L12640

Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan kesediaan Kerajaan dalam menyediakan insentif bagi pemasangan panel solar dikenali sebagai Projek Solar Rakyat sebagai satu tarikan bagi pemilik kediaman sedia ada dan sejauh manakah komitmen pemaju perumahan dalam projek perumahan baharu sejajar dengan komitmen Malaysia untuk mencapai sifar pembebasan gas rumah hijau seawal 2050.

42. PN-1533-L13041

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan inisiatif khusus Kementerian dalam menggalakkan penanaman nanas dalam kalangan belia di Malaysia.

43. PN-1533-L12912

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada 'langkah ihsan' Kerajaan yang mengecualikan cukai berjumlah RM83 juta kepada Universiti Tunku Abdul Rahman akan dilaksanakan juga kepada institusi pendidikan swasta yang lain di negara ini dan apakah asas pertimbangan bagi pengecualian itu.

44. PN-1533-L12720

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kementerian dalam memperluas lagi jaringan kolaborasi institusi tahfiz dengan Darul Quran JAKIM sebagai Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) bagi menyemarakkan pengajian tahfiz dalam negara.

45. PN-1533-L12846

Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan berapakah jumlah keseluruhan tanah persekutuan yang terdapat di Sarawak dan pecahan mengikut kawasan Parlimen di Sarawak serta berapakah keluasan tanah yang masih belum dibangunkan.

46. PN-1533-L12361

Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan daripada jumlah bajet yang besar bagi tenaga yang boleh diperbaharui pada tahun 2025, berapakah peruntukan yang akan disalurkan kepada Sarawak bagi memajukan tenaga yang boleh diperbaharui untuk tahun 2025.

47. PN-1533-L12593

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan :-

- (a) Berapakah jumlah kes pencemaran alam sekitar yang telah diambil tindakan oleh Kementerian dalam tempoh setahun yang lalu dan juga untuk tempoh suku tahun ketiga 2024; dan
- (b) Apakah langkah-langkah pemulihan yang dijalankan bagi kawasan yang terkesan dan terjejas teruk oleh pencemaran alam sekitar.

48. PN-1533-L12822
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kes penipuan yang dapat dikesan dan disekat dengan penubuhan *National Fraud Portal* (NFP).
49. PN-1533-L12468
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status terkini pembinaan Balai Bomba di Sungai Asap Belaga, Sarawak.
50. PN-1533-L12501
Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi mengekang aktiviti perjudian dalam talian terutamanya melalui laman sesawang dan dalam aplikasi-aplikasi telefon pintar.
51. PN-1533-L12873
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan garis masa pembentangan Rang Undang-Undang Iltizam Kecekapan Pentadbiran Awam seperti yang diumumkan semasa pembentangan Belanjawan 2025.
52. PN-1533-L12398
Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelan komprehensif bagi menangani permasalahan kesihatan mental dalam kalangan warga pendidik dan murid.
53. PN-1533-L12525
Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan langkah Kerajaan dalam menangani masalah banjir yang menjadi semakin serius dan tidak bermusim sejak kebelakangan ini. Apakah tindakan yang dilaksanakan untuk mengenal pasti punca banjir dan langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang dirangka secara sistematik agar bencana banjir dapat diatasi dengan lebih berkesan.
54. PN-1533-L13098
Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendekatan yang diambil oleh Kementerian dalam menangani isu kekurangan guru di beberapa kawasan luar bandar, dan adakah terdapat insentif untuk menarik lebih ramai tenaga pengajar ke kawasan tersebut.

55. PN-1533-L13049

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah usaha khusus yang diambil oleh Kementerian dalam mengatasi masalah kadar pengangguran belia yang masih tinggi.

56. PN-1533-L12668

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah punca utama yang menyebabkan kelewatan dalam penyelesaian projek Kolam Selam Tempur GGK di Kem Iskandar, Mersing sehingga kontraktor telah diberikan lanjutan masa sebanyak enam kali, dan bilakah tempoh jangkaan siap yang baharu bagi projek ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.50/2024) Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) (No.2) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
[Menteri Kewangan]
2. (D.R.53/2024) Rang Undang-undang Syarikat Labuan (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
[Menteri Kewangan]
3. (D.R.54/2024) Rang Undang-undang Amanah Labuan (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
[Menteri Kewangan]
4. (D.R.55/2024) Rang Undang-undang Yayasan Labuan (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
[Menteri Kewangan]
5. (D.R.56/2024) Rang Undang-undang Perkongsian Terhadap dan Perkongsian Liabiliti Terhadap Labuan (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
[Menteri Kewangan]
6. (D.R.64/2024) Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
[Menteri Kewangan]

7. (D.R.18/2024) Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

8. (D.R.20/2024) Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

9. (D.R.46/2024) Rang Undang-undang Majlis Perundingan Gaji Negara (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Sumber Manusia]

10. (D.R.61/2024) Rang Undang-undang Ordinan Buruh Sarawak (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Sumber Manusia]

11. (D.R.60/2024) Rang Undang-undang Perkongsian Data 2024 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Digital]